



PERTANDINGAN MENEMBAK TAHUNAN

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI



7 OKTOBER 2017

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

[Company address]

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATIN SRI ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI
PENGERUSI PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

SEMPENA

**PERTANDINGAN MENEMBAK TAHUNAN
PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**PADA 7 OKTOBER 2017 (SABTU)
JAM 8.00 PAGI**

**DI LAPANG SASAR,
MAKTAB PENJARA MALAYSIA**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU MALAYSIA.

Yang Berusaha Saudari Pengacara Majlis, **Kopral Khodijah binti Mohd Yassim**;

Yang Berbahagia **Datin Sri Hajjah Noraini bt. Haji Man**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA) selaku Pengerusi Biro Kesihatan dan Sukan, PUSPANITA Cawangan KDN;

Yang Berusaha **Puan Natthasha binti Mohamed Harun**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Kesukarelawan Malaysia (RELA) selaku Pengerusi Biro Agama, PUSPANITA Cawangan KDN;

Yang Berbahagia Datin-Datin Timbalan-Timbalan Pengerusi dan Pengerusi-Pengerusi Cawangan Kecil PUSPANITA di bawah KDN;

Pengerusi-pengerusi PERSIAP Cawangan;

Barisan Jawatan Kuasa PUSPANITA Cawangan KDN khususnya PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia dan PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Kesukarelawan Malaysia selaku urus setia pertandingan;

Pegawai-pegawai kanan KDN, PENJARA dan RELA;

Isteri-Isteri Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat Penjara Malaysia; serta

Puan-Puan ahli PUSPANITA yang dikasihi sekalian.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati sekalian.

1. ALHAMDULILLAH. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama lagi pada hari yang penuh bermakna ini.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia **Datin Sri Hajjah Noraini bt. Haji Man**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil PENJARA dan Yang Berusaha **Puan Natthasha binti Mohamed Harun**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil RELA kerana telah menganjurkan **Pertandingan Menembak Tahunan PUSPANITA Kementerian Dalam Negeri** bagi tahun 2017 ini.

3. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada PENJARA, RELA dan PERSIAP kerana telah sudi bekerjasama dengan PUSPANITA Cawangan KDN untuk melaksanakan program ini. Tanpa sokongan daripada semua pihak, tentunya program ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Pada hari ini, ahli-ahli PUSPANITA Cawangan KDN amat bertuah kerana PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan PENJARA dan RELA serta PERSIAP telah mengambil inisiatif secara kolaborasi untuk menjayakan pertandingan menembak ini. Program yang merupakan acara tradisi tahunan ini dianjurkan khusus untuk ahli-ahli PUSPANITA Cawangan KDN dan PUSPANITA Cawangan Kecil di bawah KDN.

5. Pertandingan pada hari ini dianjurkan **bukan shaja untuk memberi fokus kepada persaingan** yang mempamerkan bakat dan kebolehan masing-masing bagi melihat siapa yang lebih handal atau siapa mempunyai kemahiran yang lebih baik, malah ianya turut bertujuan untuk **memberi pendedahan, menambah ilmu dan meningkatkan kemahiran** mengenai pengendalian senjata api serta perkara-perkara yang berkaitan kepada peserta dan semua yang hadir pada hari ini.

6. Saya percaya bahawa, perkara yang lebih berharga yang dapat diperoleh daripada penganjuran pertandingan ini adalah peningkatan jalinan kerjasama dan muhibbah dalam kalangan ahli-ahli PUSPANITA Cawangan KDN juga ahli-ahli PERSIAP disamping peningkatan kemahiran, daya saing, disiplin serta jati diri masing-masing.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Diharapkan program ini akan menjadi suatu wahana kepada ahli PUSPANITA ke arah pembinaan dan pembentukan modal insan sejajar dengan **matlamat PUSPANITA iaitu untuk menjadi persatuan wanita yang berdaya saing, berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketerampilan dan bertaqwa supaya dapat menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga dan masyarakat.**

8. Selain itu, penganjuran pertandingan ini juga diharap akan dapat memupuk semangat kekitaan, kebersamaan dan kekeluargaan dikalangan ahli PUSPANITA Cawangan KDN disamping tidak melepaskan peluang untuk meraih kemenangan dan dinobatkan sebagai peserta terbaik. Syabas saya ucapkan di atas semangat semua peserta yang terlibat dalam pertandingan ini.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada barisan jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil PENJARA dan RELA serta PERSIAP yang telah bertungkus-lumus dan mempamerkan komitmen yang tinggi bagi memastikan agar pertandingan menembak ini dapat direalisasikan. Semoga pertandingan ini berjalan dengan jayanya dan semoga

kesemua aktiviti yang dijalankan pada hari ini dapat dimanfaatkan oleh semua ahli serta mendapat keberkatan dariNya.

10. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada seluruh barisan Jawatan Kuasa PUSPANITA KDN dan semua yang dapat turut serta dalam Pertandingan Menembak Tahunan PUSPANITA KDN pada hari ini.

Oleh itu, dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRAHIM saya merasmikan Pertandingan Menembak Tahunan PUSPANITA KDN bagi tahun 2017.

Sekian , terima kasih.

WABILLHAHHITAUFIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAH HIWABARATUH.